

29/09/2001

## Malaysia bantah serang Afghanistan (HL)

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia membantah sebarang serangan terhadap Afghanistan atau mana-mana negara oleh Amerika Syarikat dan sekutunya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil mengulangi sokongan Malaysia terhadap kempen Amerika membentuk pakatan antarabangsa bagi memburu pengganas, Perdana Menteri menegaskan peperangan bukan cara untuk menyelesaikan keganasan kerana tindakan itu akan turut membabitkan orang awam yang tidak bersalah.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak mahu terbabit dengan sebarang peperangan terhadap mana-mana negara dan akan membantah tindakan sedemikian kerana cara itu tidak berupaya menghentikan keganasan.

"Kita memang menentang segala jenis keganasan. Kita harap yang diburu ialah pengganas. Kita berharap dalam usaha memburu pengganas, tidak ada serangan dibuat ke mana-mana negara, sebagai sebuah negara.

"Jika serangan dibuat ke atas negara, kemungkinan ramai yang tidak bersalah menjadi mangsa," katanya merujuk rancangan Amerika untuk menyerang Afghanistan sebagai tindak balas terhadap keengganan kerajaan Taliban menyerahkan Osama bin Laden, yang disyaki mendalangi serangan terhadap New York dan Washington, 11 September lalu.

Pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, walaupun Malaysia tidak senang dengan tindakan Taliban dan Osama, kerajaan tidak setuju jika serangan dibuat ke atas negara itu.

Katanya, walaupun Afghanistan diperintah Taliban, ramai rakyat negara itu terpaksa tunduk kepada pemerintah dan tidak terbabit dalam keganasan.

"Kalau Afghanistan dipersalahkan dan ditakluk kuasa Barat, ini tidak menjamin keganasan akan terhenti. Mungkin pengganas akan datang dari tempat lain pula," katanya.

Sebab itu, katanya, Malaysia berpendapat kuasa besar perlu menyiasat dan menangani sebab utama pengganas bertindak sedemikian termasuk sanggup merampas pesawat untuk merempuh bangunan.

Perdana Menteri berkata, kumpulan terbabit mungkin didorong perasaan yang terlalu marah hingga terpaksa bertindak demikian.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengulangi cadangan Malaysia supaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengadakan persidangan khas untuk membincangkan isu keganasan.

"Jika boleh kita ingin persidangan yang dianjurkan PBB ini membabitkan semua negara, tetapi proses itu akan mengambil masa.

"Kita percaya kita harus tahu sebab utama serangan di New York dan Washington berlaku. Selagi kita tidak dapat menghapuskan sebab ini, kita percaya keganasan akan berterusan walaupun Afghanistan jatuh ke tangan Barat," katanya.

Perdana Menteri berkata, pihak yang terbabit dalam keganasan itu bukan semuanya tinggal di Afghanistan.

"Mereka bukan rakyat Afghanistan dan bukan rakyat Iraq atau Palestin. Setakat kita tahu mereka berasal dari Arab Saudi dan Mesir.

"Jika hendak menyalahkan kerajaan Afghanistan tidak kena, nak salahkan Arab Saudi pun tidak kena kerana mereka ini (pengganas) boleh berada di mana saja," katanya.

Dr Mahathir berkata, pengganas itu mungkin sudah lama berada di Amerika Syarikat untuk membuat persiapan dan merancang serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) New York dan Pentagon, Washington.

Katanya, pendirian kerajaan itu akan disampaikan kepada semua duta Malaysia di luar negara supaya tidak ada percanggahan mengenai pendirian negara berhubung isu berkenaan.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan mendapat bukti ada rakyat Malaysia menyertai Taliban dan kembali ke tanah air untuk menjatuhkan kerajaan secara kekerasan kononnya hendak mendirikan negara Islam.

"Kita sudah menahan mereka (mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri) kerana dapat maklumat mereka terbabit. Kita mempunyai dokumen, termasuk gambar ketika mereka bersama orang Afghanistan dan pendirian mereka adalah militan.

"Walaupun mereka ahli Pas, semuanya bertindak sendiri kerana cara demokrasi tidak mungkin memberi kuasa kepada Pas untuk berkuasa," katanya.

Perdana Menteri berkata, Kumpulan Militan Malaysia (KMM) itu juga berpendapat demokrasi bukan cara Islam dan cuba menjatuhkan kerajaan dengan kekerasan.

Beliau berkata, kumpulan terbabit juga berpendapat bahawa merompak bank milik orang bukan Islam adalah halal.

"KMM juga dikenal pasti mempunyai kaitan dengan kumpulan di Indonesia dan Filipina. Saya tidak boleh dedahkan semua, tetapi nampak jelas mereka berniat untuk menjatuhkan kerajaan secara kekerasan.

"Mereka yang dilatih di Afghanistan dan Pakistan ini memang mendewadewakan Osama," katanya.

Ditanya apakah kerajaan akan mengeluarkan kertas putih mengenai KMM, Perdana Menteri berkata kerajaan masih menimbang perkara itu kerana ada kes untuk dibawa ke mahkamah.

"Kita takut apabila kes itu dibawa ke mahkamah setelah kertas putih dikeluarkan, ia akan menjadi satu masalah pula," katanya.

Ditanya mengenai jawapan Perdana Menteri Britain, Tony Blair, berhubung cadangan Malaysia supaya satu pasukan pemerhati dihantar ke Palestin untuk memisahkan puak Israel daripada penduduk Palestin, Dr Mahathir berkata, beliau sudah menerima surat balas Blair.

Bagaimanapun, katanya, Blair menjelaskan perkara itu akan dijawab kemudian dan Perdana Menteri Britain itu sebaliknya menimbulkan perkara lain berhubung isu Myanmar.

Dr Mahathir berkata, beliau akan menjawab surat Blair itu.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang baru pulang dari lawatan ke Arab Saudi berkata, kerajaan Arab Saudi menyatakan sokongan terhadap persidangan mengenai keganasan anjuran PBB.

Beliau berkata, Arab Saudi juga menentang semua bentuk keganasan.

(END)